

16 NOV 1998

Ting-Pokok

PEMOTONGAN POKOK OLEH PBT PERLU IKUT PERATURAN, KATA TING

IPOH, 16 Nov (Bernama) -- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu memastikan tindakan pemotongan dan pencatasan pokok di kawasan masing-masing sebagai persediaan menghadapi fenomena cuaca La Nina dilakukan mengikut peraturan yang ditetapkan, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Dr Ting Chew Peh.

Katanya, pemotongan dan pencatasan pokok perlu mendapat nasihat Jabatan Perhutanan dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) bagi memastikan tindakan yang diambil tidak memudaratkan pokok-pokok tersebut.

"...pokok adalah sukar untuk ditanam, dan pemotongan serta pencantasannya mengikut sesuka hati akan memberikan kesan negatif kepada pertumbuhan pokok-pokok itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan ulangtahun ke-71 Dewan Perhimpunan Cina Perak dan menutup Pesta Kebudayaan Cina Malaysia ke-15 di Dewan Bandaran di sini malam tadi.

Ting berkata mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (pindaan 1996), pokok-pokok yang mempunyai lilitan 0.8 meter tidak dibenarkan dipotong tanpa sebab dan boleh didenda maksimum RM50,000 jika sabit kesalahan.

PBT juga disarankan supaya mewartakan pokok-pokok tertentu di kawasan masing-masing bagi memastikan pokok itu tidak dipotong sembarangan, katanya.

Ting berkata demikian sebagai mengulas tindakan beberapa PBT telah "membotakkan" pokok-pokok tanpa mengikut peraturan di sekitar bandaraya Ipoh sebagai persediaan menghadapi La Nina.

Mengenai projek tanam pokok negara, Ting berkata Jabatan Landskap Negara yang bertanggungjawab menyelaraskan usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara taman akan mengemukakan laporan mengenai pencapaian projek itu akhir tahun ini.

Katanya, kerajaan negeri yang agak perlahan melaksanakan projek itu dan tidak mencapai kuota yang ditentukan akan diminta memberikan penjelasan bagi memastikan projek yang dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Mac tahun lepas mencapai sasaran tiga juta pokok menjelang tahun 2000.

Ting berkata projek ini adalah penting bukan sahaja untuk mengindahkan negara ini, tetapi memainkan peranan dalam melindungi alam sekitar, dan untuk itu di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh sebanyak RM200 diperuntukan untuk program itu.

Beliau menafikan dakwaan terdapat pemaju perumahan yang hanya menanam pokok untuk mendapatkan kelulusan sijil menduduki (CF) tanpa mementingkan kesesuaian pokok tersebut dengan alam sekitar dan kemudian mengabaikannya setelah mendapat CF.

Katanya, selepas mendapat CF, pemaju perumahan berkenaan telah mendepositkan sedikit wang kepada PBT bagi urusan menjaga dan membesarkan pokok-pokok itu selepas ditanam.

-- BERNAMA.

HK RHM